

Telegram Pas minta selesai isu Bosnia bermotif politik — PM

KUALA LUMPUR 5 Nov. — Perdana Menteri menyifatkan tindakan Pas menghantar telegram kepada kerajaan supaya menyelesaikan isu Bosnia-Herzegovina sehari sebelum bermulanya Perhimpunan Agung UMNO sebagai bertukar politik.

Dato' Sri ~~Dr. Mahathir Mohamad~~ berkata, beliau hairan kenapa ketetapan Pas yang dicapai pada 11 Oktober lalu yang mendesak kerajaan mengambil langkah untuk mengatasi masalah di Bosnia hanya dihantar pada hari ini.

Beliau menganggap telegram tersebut sebagai telegram politik Parti Pas dan bukannya untuk kepentingan orang-orang Bosnia-Herzegovina.

"Saya berasa amat sedih kerana nasib buruk yang menimpa rakyat Bosnia-Herzegovina digunakan untuk tujuan politik dalam negeri," katanya yang menerima telegram itu hari ini.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas mempengerusi Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang diadakan khusus menjelang perhimpunan agung parti itu esok di Ibu Pejabat UMNO di sini lewat malam ini.

Dalam mesyuarat itu Dr. Mahathir berkata, ia membincangkan persediaan yang dibuat untuk perhimpunan agung esok serta mendengar laporan daripada wakil Majlis Tertinggi yang menghadiri Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita UMNO yang berlangsung hari ini.

Menurut Perdana Menteri, telegram Pas itu dihantar oleh Yang Dipertuanya, Fadzil Noor yang mencadangkan enam perkara kepada kerajaan iaitu menyediakan bala tentera untuk dihantar ke Bosnia.

Di samping itu, telegram tersebut juga meminta kerajaan mengambil langkah berkesan menggerakkan Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) dan anggota-anggotanya bagi mempertahankan Bosnia.

Katanya, telegram Pas itu turut mendesak kerajaan mengambil inisiatif mempengaruhi OIC dan anggotanya untuk memberi kata dua kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sama ada negara-negara OIC mengkaji semula

kedudukannya di dalam PBB atau PBB mengambil tindakan tegas.

Pas juga dalam telegram itu memberikan jaminan akan memberi kerjasama sepenuhnya dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan puak Serbia menghentikan keganasannya di Bosnia," kata Pas dalam telegram tersebut.

Perdana Menteri menegaskan, kalau Pas sedar peristiwa kejam itu, mereka patut menyerahkan ketetapan mereka pada 11 Oktober lalu bukannya setelah hampir sebulan berlalu.

"Walaupun Pas telah memberikan cadangan itu, kita telah melaksanakannya sebelum ini tanpa desakan daripada Pas.

Tentera

Sambil menyatakan adalah mudah untuk Pas menyuruh kerajaan menyediakan bala tentera, Dr. Mahathir berkata, adalah satu tindakan yang tidak adil kepada anggota tentera negara ini, jika mereka dihantar tanpa penyertaan tentera dari negara-negara Islam yang lain.

"Jika PBB atau OIC membuat ketetapan untuk menghantar tentera ke Bosnia, kita akan menyertainya tetapi adalah mustahil menghantar tentera kita ke sana tanpa bersama yang lain.

"Adalah mustahil hendak menghantar tentera kita semata-mata untuk disembelih oleh puak Serbia sedangkan negara yang lebih kuat dan negara Islam lain tidak berbuat demikian," ujar beliau.

Perdana Menteri juga menyatakan, jika dalam peperangan Teluk dahulu Pas berhasrat menghantar 3,000 pengikutnya membantu Iraq, pada kali ini Pas juga patut berbuat demikian dengan menghantar pengikutnya ke Bosnia.

"Malangnya perkara ini tidak disebut di dalam telegram yang dihantar kepada saya, sebaliknya hanya meletakkan tanggungjawab ke atas kerajaan sahaja," tambah beliau.